

**LU SIEW LIAN**

Siewlian87@gmail.com

**WONG AI BING**

wongaibing@gmail.com

### 1.0 TAJUK INOVASI


**BOTOL BALING (PJK)** (Penyertaan Pelajar Guru)

### 2.0 OBJEKTIF

Alatan dicipta untuk menarik minat murid-murid bagi menggalakkan mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam subjek Pendidikan Jasmani. Selain itu, inovasi yang dicipta dapat meningkatkan kemahiran membaling dalam kalangan murid.

### 3.0 KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Pada kebiasaannya, antara permainan bola yang dikenali ramai di sekolah merangkumi bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola tampar, bola baling dan sebagainya. Umumnya, bola adalah datang dalam pelbagai saiz dan jenis, dan diperbuat daripada getah, kain, plastik dan polimer. Contoh-contoh bola adalah seperti berikut:



#### **4.0 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI**

Guru-guru di sekolah sering menggunakan bola sebagai bahan bantu mengajar bagi membolehkan murid-murid menguasai sesuatu kemahiran yang diajar. Seperti yang kita sedia maklum, bola-bola di sekolah digunakan untuk semua tahap murid tanpa mengira saiz dan berat bola. Hakikatnya, selalu timbullah isu objektif pembelajaran Pendidikan Jasmani kurang tercapai dan tidak berkesan untuk pembelajaran murid. Sebagai contohnya, dalam permainan bola baling, murid-murid sering kali tidak dapat menepati sasaran. Mereka tidak dapat membuat balingan dengan baik dan tersasar daripada sasaran. Isu yang ingin dipertikaikan di sini ialah pihak sekolah menghadapi masalah besar dalam menyediakan peralatan sukan yang sesuai untuk tahap pembelajaran murid yang berbeza dan tidak memenuhi tahap keupayaan murid-murid. Tambahan pula, penggunaan saiz dan berat bola yang tidak bersesuaian dengan kebolehan murid secara tidak langsung mendatangkan kesan negatif dan mempengaruhi proses PdP.

Masalah yang dihadapi sebelum ini masih tiada penawarnya sehingga mengakibatkan murid-murid tidak menguasai kemahiran yang diajarkan oleh guru. Lagipun, terdapat bola yang bersaiz terlalu besar dan bola yang sedia ada juga tidak sesuai dengan tahap, ketinggian dan berat badan murid. Namun demikian, guru-guru terpaksa juga menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar dalam kelas kerana tiada pilihan yang lain. Buktinya, kita boleh merujuk saiz bola yang bersesuaian dengan penggunaan tahap umur murid seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah.

Bil.	Saiz bola	Jenis bola	Peringkat umur
1	Saiz 1	Bola baling	Perempuan (8-14 tahun)
2	Saiz 2	Bola baling	Perempuan(15-18 tahun)
3	Saiz 3	Futsal	Untuk junior (lelaki 18 tahun ke atas)
4	Saiz 4	Futsal	18 tahun dan ke atas / dewasa
5	Saiz 5	Bola sepak, bola	15-18 tahun

		tampar	
6	Saiz 6	Bola keranjang	Untuk pelajar perempuan sahaja
7	Saiz 7	Bola keranjang	Untuk pelajar lelaki sahaja

Rumusannya, sebagai pengajar, kita perlulah memilih alat pengajaran yang bersesuaian untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang berkesan,

## 5.0 INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

**5.1 Selaras dengan JERI.** Inovasi ini adalah inovasi pembelajaran dan pengajaran menyeronokkan yang bersesuaian dengan fitrah bermain kanak-kanak. Matlamat pendidikan Prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek JERI melalui pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah nanti (KSPK, KPM, 2010)

Kos untuk menjadikan botol sebagai pengganti bola adalah murah iaitu RM1.80 sebotol dan kebanyakan bahan yang digunakan adalah bahan kitar semula.

### 5.2 Dekskripsi inovasi

Botol Baling merupakan satu peralatan digunakan untuk menjalankan aktiviti membaling dengan lebih menarik dan murah. Projek inovasi ini menggunakan botol plastik yang terbuang seperti botol plastik 125ml, 325ml, atau 500ml. Botol plastik 125ml, 325ml atau 500ml digunakan kerana saiz botol lebih kecil jika dibandingkan dengan bola sebenar. Selepas itu, hujung dan atas botol plastik kosong itu diisikan dengan kertas-kertas terbuang dan juga batu kecil yang dibalut dengan kertas diletakkan di tengah-tengah botol. Hal ini kerana dapat

mengekalkan keseimbangan botol dan akan memudahkan balingan. Bukan itu sahaja, setiap botol plastik yang diisi dengan batu kecil ditetapkan beratnya sebanyak 250g. Berat ini adalah lebih kurang sama dengan berat bola tampar atau bola jaring. Inovasi ini mengambil kira saiz tangan kanak-kanak dan juga keupayaan balingan kanak-kanak di sekolah rendah supaya dapat membaling botol dengan tepat mengenai sasaran di samping dapat mencapai objektif pembelajaran dengan berkesan. Dalam pada itu, guru-guru di sekolah boleh mereka cipta mengikut profesional mereka untuk meningkatkan hasil pembelajaran yang lebih efektif.

**Gambar botol plastik yang telah diisi dengan batu kecil yang dibalut dengan kertas terbuang.**



### **STRATEGI PENGGUNAAN INOVASI “KEUNIKAN BOTOL”**

Penggunaan botol plastik dalam aktiviti membaling boleh dibahagikan kepada **DUA** fasa. Fasa pertama adalah untuk membaling botol dengan sebelah tangan ke arah sasaran. Ini adalah kemahiran membaling bola ke arah yang dituju atau sasaran di mana pergerakan tangan bermula dari belakang ke hadapan menggunakan sebelah tangan.

Fasa kedua adalah melambung botol kepada rakan lain dan murid lain menyambut botol dalam jarak 2 meter. Sekiranya murid dapat membaling atau menyambut botol dalam jarak 2 meter, maka jarak boleh dipanjang, iaitu 3 meter sehingga 4 meter. Keadaan ini

perlu bergantung pada keupayaan dan kemahiran murid membaling.

**5.3** Tujuan utama inovasi ini dicipta adalah agar guru dapat menggunakan peralatan ini secara maksimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam penyampaian kemahiran balingan. Semasa proses PdP dijalankan, guru boleh memberikan penerangan kegunaan inovasi dan kemahiran yang perlu dikuasai sewaktu tempoh masa pembelajaran.

**5.4 Butir-butir lain.** Inovasi ini dimulakan pada 20 Mac 2015 oleh dua orang guru pelatih IPG Kampus Batu Lintang, iaitu Lu Siew Lian dan Wong Ai Bing. Kos operasi ini sangat murah kerana bahan-bahan yang digunakan adalah bahan-bahan buangan seperti botol plastik, kertas terbuang, batu-batu kecil, dan juga sponge.

Kami telah menjalankan inovasi sehingga bulan Mei 2015. Pada akhir bulan, terdapat peningkatan kanak-kanak yang boleh membaling tepat sasaran. Kanak-kanak berasa seronoknya semasa membaling botol kerana mereka dapat membaling dan menyambut dengan berjaya jika berbanding dengan bola sebenar. Kanak-kanak berasa puas hati dengan balingan mereka. Mereka mulai suka akan aktiviti membaling dan dapat menjalankan aktiviti membaling dengan lebih berkesan.

#### **Gambar produk inovasi**



## **6.0 FAEDAH-FAEDAH DARI INOVASI YANG TELAH DIPERKENALKAN**

### **6.1 Pengenalan kepada idea-idea baharu atau penambahbaikan daripada idea-idea sedia ada**

Kebanyakan guru akan menggunakan bola sebagai bahan pengajaran untuk mengajar murid menguasai kemahiran seperti membaling, menghantar, melantun, menangkap bola dan sebagainya. Namun disebabkan faktor-faktor tertentu seperti saiz dan berat bola yang tidak sesuai, bahan peralatan Pendidikan Jasmani yang kurang mencukupi telah mempengaruhi proses PdP dan tidak mendatangkan hasil pembelajaran yang positif kepada murid-murid. Makanya kami telah melakukan inovasi dengan menggunakan botol-botol kecil pelbagai saiz sebagai gantian kepada bola. Idea untuk membuat inovasi ini kami dapatkan hasil daripada perbincangan sesama ahli kumpulan.

### **6.2 Peningkatan hasil kerja.**

Pelaksanaan inovasi yang kami jalankan secara tidak langsung telah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran PJ di sekolah. Botol yang kami ubahsuai ini ada pelbagai saiz dan mengikut berat bola agar bersesuaian dengan tahap kebolehan murid. Ia boleh digunapakai sebagai bola dengan melakukan aktiviti secara ansur maju bagi memantapkan kemahiran dan penguasaan murid. Setelah menjalankan inovasi ini, kami bertambah yakin diri dalam melakukan sebarang perkara terutamanya dalam menghasilkan sesuatu alat baharu.

### **6.3 Keberkesanan kos operasi yang cekap dan menjimatkan masa**

Harga sebotol minuman kecil adalah dalam lingkungan RM1.50 hingga RM 2.50 sahaja. Kos ini lebih murah berbanding dengan harga sebiji bola baling dalam anggaran RM 30 ke atas dan apatah lagi bercakap pasal bola yang berkualiti tinggi. Harganya tinggi dan mahal serta membebankan pihak sekolah untuk membelinya sebagai bahan mengajar.

#### **6.4 Berpotensi diguna pakai oleh pihak lain secara terus atau diubahsuai mengikut keperluan, mesra pengguna dan merentas masa**

Inovasi yang kami laksanakan adalah sesuai untuk kegunaan semua peringkat umur murid sekolah rendah tak kira tahap satu mahupun tahap dua. Tambahan pula, alat ini adalah berpotensi untuk diguna pakai oleh semua pihak termasuk murid normal dan murid berkeperluan khas atau diubahsuai mengikut keperluan masing-masing. Inovasi ini boleh diperkenalkan kepada sekolah rendah yang lain sama ada sekolah bandar mahupun luar bandar.

#### **Rujukan**

- Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). Sukatan pelajaran rendah dan menengah: Pendidikan Jasmani. Selangor: Nohaz Cetak Sdn. Bhd.
- Kirk, D., & Macphail, A. (2002). Teaching games for understanding and situated learning: Rethinking the Bunker-Thorpe model. *Journal of Teaching in Physical Educaion*, 21, 177-192.
- Zaireey Khairuddin (2012). Kemahiran membaling. Diakses pada 01.04.2015 daripada laman sesawang <http://www.zairedin.com/2012/11/kemahiran- membaling.html>